

SOALAN NO : 11

Pelbagai tindakan telah diambil oleh pihak SKMM iaitu memantau dan mengambil tindakan terhadap aduan yang dikemukakan melalui portal aduan SKMM, mengeluarkan *Standard Mandatori* Kualiti Perkhidmatan untuk mengawal selia mutu perkhidmatan jalur lebar berwayar di Malaysia, tindakan penguatkuasaan bagi mereka yang gagal mematuhi Standard Mandatori di samping tindakan pentadbiran terhadap mereka yang berkenaan.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN ZAIRIL KHIR JOHARI
TARIKH : 17.10.2016
SOALAN : NO. 12

Tuan Zairil Khir Johari [Bukit Bendera] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan mengapa kedudukan Universiti Sains Malaysia (USM) dalam QS 2016/2017 World University Ranking merudum dari 289 ke tempat 330 walaupun USM merupakan satu-satunya Universiti APEX.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penilaian APEX dan 'ranking' adalah dua (2) sistem penilaian yang mempunyai fungsi yang berbeza. APEX menilai sesebuah institusi yang mempunyai potensi untuk memacu ke arah kecemerlangan di masa hadapan, manakala ranking menunjukkan keadaan semasa institusi tersebut. Pemberian status APEX kepada USM tidak bermakna institusi tersebut telah mencapai kedudukannya di antara universiti terkemuka dunia, tetapi dengan bantuan dan sokongan yang sewajarnya, ianya dapat menuju ke arah kedudukan tersebut.

Pemilihan USM untuk menerajui APEX adalah berdasarkan kepada pelan transformasi dan strateginya yang jelas serta mantap yang melibatkan sebahagian besar warga universiti dan mendapat komitmen Naib Canselornya. USM mempunyai strategi pengurusan perubahan yang kukuh dan berterusan, malah telah memulakan visi dan transformasinya sejak tahun 2001 lagi. USM juga mempunyai mekanisme komunikasi yang bersesuaian dan terdapat juga tanda-tanda berlakunya perubahan paradigma dan budaya cemerlang di institusi tersebut. Kesiediaan dan fleksibiliti untuk berubah dan berinovatif akan dapat memacu USM ke peringkat yang lebih tinggi lagi.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian memandang serius kedudukan USM di dalam *QS World University Rankings 2016/17* dari ranking ke-289 pada tahun 2015/16 kepada ranking ke-330 pada 2016/17. Namun demikian, sekiranya dilihat prestasi keseluruhan bagi tiga (3) tahun terakhir, penurunan ini tidaklah begitu ketara kerana USM pernah menduduki ranking ke-355 pada tahun 2013/14. Dalam *QS World University Rankings By Subject 2016*, USM berjaya berada dalam kedudukan 46 terbaik dunia bagi bidang *Chemical Engineering*, meningkat dari tangga 51-100 pada tahun 2015.

Selain itu, jika dilihat daripada bidang penyelidikan, berdasarkan pangkalan data Scopus, USM merupakan penyumbang terbesar bilangan penerbitan negara dalam bidang *Pharmacology, Toxicology and Pharmaceutics* dan penyumbang kedua terbesar bagi bidang-bidang seperti *Chemical Engineering, Chemistry, Environmental Science, Material Science, Neuroscience, Physics and Astronomy* dan *Medicine*. Malah, tiga (3) orang pensyarah USM juga telah tersenarai sebagai *Most Cited Researchers* dalam *Shanghai Academic Ranking of World Universities By Subjects 2016* iaitu Prof. Dr Bassim H Hameed dalam bidang *Chemical Engineering and Environmental Science*, Prof. Dr. Hanafi Ismail dalam bidang *Chemical Engineering* dan Prof. Dr. Lee Keat Teong dalam bidang *Energy (Science & Engineering)*.

Kementerian dan USM juga telah mengambil langkah mengukuh dan memperkasakan prestasi berdasarkan indikator nisbah pensyarah antarabangsa, bilangan pelajar antarabangsa dan nisbah pelajar kepada pensyarah bagi membantu peningkatan ranking dunia. Pelantikan Y.Bhg. Datuk Prof. Dr. Asma Ismail menerajui USM sebagai Naib Canselor yang baharu juga diyakini mampu memberikan impak yang besar dalam memacu USM sebagai antara dua (2) universiti terbaik Malaysia dan termasuk dalam senarai antara 100 universiti terbaik dunia tanpa mengeneipkan asas pembangunan negara bangsa, seimbang dan lestari dengan nilai murni untuk kesejahteraan sejagat.